

Pencarian mangsa belum *bernoktah*

Kuala Lumpur: Operasi mencari dan menyelamat (Op SAR) wanita warga India yang hilang dalam kejadian tanah jertus di Jalan Masjid India di sini, Jumaat lalu akan diteruskan sehingga suatu masa ditentukan nanti.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata, satu mesyuarat khas dipengerusikan beliau jam 3 petang kelmarin berhubung kejadian itu.

Katanya, Op SAR yang masuk hari kelapan dilaksanakan dengan penuh komitmen oleh pasukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) serta beberapa agensi lain.

"Namun sehingga kini, tiada petanda positif mangsa ditemui walaupun pelbagai kaedah dan teknologi terkini seperti *Ground Penetrating Radar* (GPR) turut

digunakan dalam misi itu.

"Selaras keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri, mesyuarat ini diadakan bagi menentukan hala tuju Op SAR bagi mendapatkan pandangan pelbagai sudut kepakaran.

"Berlandaskan dapatan daripada mesyuarat itu, saya mengarahkan untuk operasi diteruskan mengikut

prosedur operasi standard (SOP)

Op SAR sehingga suatu masa ditentukan nanti," katanya dalam kenyataan semalam.

Bagaimanapun katanya, keputusan juga akan

dibuat berdasarkan faktor kepentingan dan keselamatan awam khususnya di sekitar Jalan Masjid India.

"DBKL akan menyelaraskan satu pasukan khas membabitkan agensi kerajaan dan pakar berkaitan untuk memastikan langkah yang perlu diambil.

"Ia bagi mencegah kejadian serupa daripada berulang dan memastikan bandar raya ini selamat bagi semua warga dan pengunjung," katanya.

Beliau turut menekankan keperluan kesegeraan pelaksanaan audit integriti terhadap keseluruhan sistem utiliti di Kuala Lumpur seperti saranan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.

“
Sehingga kini,
tiada petanda
positif mangsa
ditemui
Dr Zaliha

"Berlandaskan dapatan daripada mesyuarat itu, saya mengarahkan untuk operasi diteruskan mengikut prosedur operasi standard (SOP) Op SAR sehingga suatu masa ditentukan nanti"

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan),
Dr Zaliha Mustafa



PASUKAN mencari dan menyelamat (SAR) mangsa tanah jertus di Jalan Masjid India menangguhkan operasi pencarian mereka di Loji Indah Water Konsortium (IWK) Pantai Dalam, semalam.



SEORANG individu membawa alatan dipercayai *autonomous underwater vehicle* (AUV) di khemah operasi mencari dan menyelamat mangsa.



SKUAD Penyelamat DBKL membawa peralatan bagi mencari mangsa di lokasi kejadian tanah jertus.